

29/08/2002

CPI Malaysia naik tiga tangga

KUALA LUMPUR, Rabu - Kedudukan Malaysia dari segi tahap bersih rasuah dalam senarai Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International 2002 naik tiga tangga tahun ini, berbanding kedudukan ke-36, tahun lalu.

Bagaimanapun, pencapaian mata menurun 0.1 kepada 4.9 mata tahun ini dan kedudukan itu turut dikongsi dengan Hungary, Trinidad & Tobago. Sebanyak 102 negara menyertai tinjauan itu.

Timbalan Pengerusi Transparency International, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, berkata walaupun kedudukan itu boleh dianggap petanda baik kesan usaha kerajaan membanteras rasuah, tapi banyak lagi perlu dilakukan bagi memastikan ia terus diperangi.

"Peningkatan kedudukan itu menunjukkan usaha kerajaan yang menolak habis-habisan kegiatan rasuah dan mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad) kerana mengambil langkah tegas memerangi rasuah," katanya kepada pemberita di pejabat Transparency International di sini, hari ini.

Beliau yang juga President Kuala Lumpur Society for Transparency and Integrity berkata, usaha kerajaan itu akan sia-sia jika orang ramai tidak mengambil peduli mengenai kesan mengamalkan rasuah.

Katanya, sepatutnya rakyat berasa marah terhadap amalan itu dan menuntut satu tindakan berkesan dilaksanakan untuk membanterasnya.

"Saya akui banyak yang sudah diusahakan oleh badan penguat kuasa seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR) tapi kerjasama orang ramai untuk melaporkan sebarang bentuk amalan rasuah adalah penting supaya tindakan boleh diambil.

"Tanpa sokongan orang ramai, mungkin sukar bagi BPR untuk melakukan tugasannya," katanya.